



Lebih 2.5 juta pengguna muat turun MyJPJ - Anthony

Suraya Roslan - Februari 14, 2023 @ 5:54pm
surayaroslan@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Selepas empat hari pelancarannya, aplikasi Jabatan Pengangkutan Jalan atau MyJPJ dimuat turun lebih 2.5 juta pengguna.

Aplikasi itu dibangunkan untuk menyemak secara serentak salinan lesen memandu dan cukai jalan digital.

Menteri Pengangkutan Anthony Loke berkata, selepas pengumuman pada hari pertama pada 10 Februari lalu, aplikasi itu menerima jumlah trafik yang tinggi.

"Hari pertama dan kedua memang berlaku sedikit masalah teknikal, tetapi setakat yang saya dapat laporan pagi ini ia sudah stabil.

"Sejak hari pertama diumumkan sehingga sekarang, lebih 2.5 juta pengguna mendaftarkan pendaftaran identiti (ID) mereka dan sudah dapat mengakses lesen dan cukai jalan secara digital," katanya ketika ditemui dalam Program Arts on the Move di Transit Aliran Massa (MRT) Pasar Seni, hari ini.

Loke berkata, pada hari pertama diumumkan iaitu 10 Februari lalu, lebih 500,000 pendaftaran dilakukan dalam tempoh satu saat.

"Kita sudah jangka akan ada masalah tapi kita cuba selesaikan.

"Setakat ini kita sudah berjaya mengatasi dan perbaiki, malah sistem ini sudah stabil," katanya.

Ditanya mengenai tahap keselamatan sistem pendigitalan itu seperti dibangkitkan beberapa pihak, Loke berkata, pihaknya bekerjasama dengan pihak Cybersecurity yang juga antara agensi kerajaan.

"Kita ada pihak bertanggungjawab termasuk Cybersecurity terhadap keselamatan siber dan akan ditambah baik daripada semasa ke semasa," katanya.

Sementara itu, Loke berkata, beberapa penambahbaikan sudah dilakukan termasuk mendaftarkan nombor siri pada lesen memandu bagi mengelak disalahgunakan sesetengah pihak.

"Ini bermakna, selain nombor kad pengenalan, nombor siri pada lesen mesti didaftarkan juga," katanya.